

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

PELUPUSAN ASET ALIH (KENDERAAN)
REGIONAL CORRIDOR DEVELOPMENT AUTHORITY (RECODA)

REGIONAL CORRIDOR DEVELOPMENT AUTHORITY (RECODA)

Level 1, 2, 5 & 6, LCDA Tower, Lot 2879

The Isthmus, Off Jalan Bako

93050 Kuching, SARAWAK

1. Tawaran adalah dipelawa daripada Orang Perseorangan (individu) atau Syarikat yang berminat untuk membeli aset-aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan Aset	Model, No. Pendaftaran Kenderaan dan Tahun Pembelian	Kuantiti (Unit)	Harga Simpanan (RM)	Lokasi/ Penempatan Semasa Aset
1.	KERETA	Model: Toyota Fortuner 2.7V (P) A/T Warna: Perak No. Pendaftaran: QAY8590 Tahun Pembelian: 2011	1	20,000.00	REGIONAL CORRIDOR DEVELOPMENT AUTHORITY (RECODA) Parking Lot LCDA Tower, Lot 2879, The Isthmus, Off Jalan Bako, 93050 Kuching, SARAWAK Pegawai Untuk Dihubungi: Encik Kelvin Chang Li Chung No. Telefon: 082-551199 (Sambungan: 1261)

2. Aset boleh dilihat pada **28 Julai 2026 (Selasa) hingga 7 Ogos 2026 (Jumaat)** di antara **jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi** di **Parking Lot, LCDA Tower, Lot 2879, The Isthmus, Off Jalan Bako, 93050 Kuching, SARAWAK** secara **janji temu**.
3. Untuk urusan **janji temu** bagi tujuan di atas, individu atau wakil syarikat yang berminat hendaklah menghubungi pegawai yang berkenaan seperti di **perenggan 1** pada waktu pejabat **selewat-lewatnya satu (1) hari sebelum** tarikh melihat aset.
4. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Dokumen Sebut Harga Pelupusan Aset Alih (Kenderaan) Regional Corridor Development Authority (RECODA) yang boleh diperolehi mulai pada **28 Julai 2026 (Selasa) hingga 7 Ogos 2026 (Jumaat) pada jam 9:00 pagi hingga 12:00 tengahari dan 2:30 petang hingga 4:00 petang** di alamat **Level 1, LCDA Tower, Lot 2879, The Isthmus, Off Jalan Bako, 93050 Kuching, Sarawak**.
5. **Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada jumlah harga tawaran atau RM5,000.00 mengikut mana yang terendah.** Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk **DRAF BANK (BANK DRAFT) SAHAJA** di atas nama **Regional Corridor Development Authority**.
6. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap berserta deposit hendaklah dimasukkan sendiri oleh penyebut harga ke dalam Peti Tawaran Sebut Harga dengan menggunakan **sampul berlakri (sealed envelope)** serta mempunyai catatan **Nombor** dan **Tajuk Sebut Harga** di alamat seperti berikut:
- Pengerusi**
Jawatankuasa Perolehan Sebut Harga
Regional Corridor Development Authority
Level 1, LCDA Tower, Lot 2879, The Isthmus,
Off Jalan Bako, 93050 Kuching, SARAWAK
7. Tarikh dan masa tutup sebut harga tidak lewat dari jam **12:00 tengahari** pada **17 Ogos 2026 (Isnin)**. Penyebut harga dibenarkan untuk menghantar tawaran sebut harga seawal tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh tutup sebut harga.
8. **Sebut harga yang lewat diterima selepas tarikh dan masa yang ditetapkan TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.** Jika dokumen sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/ kurier, penyebut harga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh dan masa tutup sebut harga. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
9. RECODA tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.
10. Sekiranya terdapat pertanyaan lanjut berhubung perkara di atas, penyebut harga boleh menghubungi **Encik Kelvin Chang Li Chung** di talian **082-551199 sambungan 1261** atau melalui e-mel **kelvin1249@recoda.gov.my**.

Ketua Pegawai Eksekutif
Regional Corridor Development Authority (RECODA)
Tarikh : 24 Julai 2026